

1/. Baca petikan karangan di bawah kemudian jawab soalan-soalan fahaman berikutnya.

Air merupakan salah satu keperluan asas kepada manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Setiap hari manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan menggunakan air sebagai punca minuman. Air diminum secara langsung oleh manusia dan haiwan, Tumbuh-tumbuhan pula menyerap air untuk membuat makanan.

Air ada tujuh jenis iaitu air hujan, air laut, air sungai, air telaga, air mata air, air salji dan air embun. Air dari tumbuh-tumbuhan merupakan air yang bukan turun dari langit atau keluar dari bumi.

Pada dasarnya manusia memerlukan air untuk membersihkan badan, mencuci pakaian, minum serta memasak. Selain daripada itu, air juga digunakan untuk menyiram tanam-tanaman, kegunaan kilang, jentera dan sebagainya.

Kebanyakan makanan yang kita makan setiap hari berasal daripada tumbuh-tumbuhan. Contohnya nasi, sayur-sayuran, buah-buahan dan sebagainya. Sekiranya tumbuh-tumbuhan itu tidak mendapat air yang cukup, sudah tentu pertumbuhannya terbantut lantas tidak dapat mengeluarkan hasil yang banyak. Akibatnya, pendapatan petani akan merosot dan manusia akan menghadapi masalah kekurangan makanan.

Air juga digunakan sebagai penggerak tenaga hidroelektrik seperti yang terdapat di negara-negara Eropah. Di sana terdapat Banjaran Alps yang merentas Negara Perancis, Itali dan Switzerland. Empangan dibina pada sungai-sungai yang airnya bersumber daripada gunung ais untuk menjana tenaga elektrik.

Kenderaan di air seperti kapal, perahu, kapal layar dan seumpamanya memerlukan air sebagai perhubungan ke sesuatu tempat. Selain daripada itu, air paling penting untuk memadamkan kebakaran bangunan dan hutan.

Jelaslah bahawa air sesungguhnya amat penting dalam serba-serbi kehidupan kita. Oleh itu, amalkan langkah bijak dalam menggunakan air. Jangan membazir air.

(Disesuaikan daripada majalah mekar, Disember 1998)

Jawab soalan-soalan berikut dalam bentuk ayat yang lengkap.

- a. Apakah yang menjadi salah satu keperluan asas kepada manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan ?

- b. Bagaimanakah cara tumbuh-tumbuhan menggunakan air ?

- c. Tuliskan jenis-jenis air ?

- d. Mengapakah manusia memerlukan air ?

- e. Apakah yang akan terjadi sekiranya tumbuh-tumbuhan tidak mendapat air yang mencukupi ?

- f. Di Negara manakah air digunakan sebagai penggerak tenaga hidroelektrik ?

g. Mengapakah empangan dibina pada sungai-sungai yang airnya bersumber daripada gunung ais ?

h. Mengapakah kapal, perahu, kapal layar dan seumpamanya memerlukan air ?

i. Apakah kegunaan air jika terjadinya kebakaran ?

j. Apakah amalan yang bijak dalam menggunakan air ?

2/. Beri ANTONIM (KATA BERLAWAN) bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

- a. Pisau yang tumpul akan menjadi _____ jika diasah.
- b. Adiknya seorang yang cermat apabila berbelanja tetapi abangnya seorang yang agak _____.
- c. Ramai pekerja di bandar berasal dari _____.
- d. Ayah membeli kereta _____ kerana kereta lamanya sudah rosak.
- e. Bangunan yang baru dibina itu telah di _____ kerana tidak mematuhi peraturan pembangunan.

3/. Tuliskan KATA GANDA bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

- a. Sikap tegur - _____ adalah salah satu contoh sikap pemedulian.
- b. Disebabkan peperangan , Iraq sekarang menjadi huru _____ .
- c. Penyokong kedua-dua pasukan bola sepak itu saling ejek - _____.
- d. Cakap orang tua - _____ hendaklah didengar dan dipatuhi.
- e. Pakaian peminta sedekah itu compang - _____.

4/. Pilih IMBUHAN yang disediakan dan tuliskan di tempat-tempat yang kosong dalam ayat-ayat di bawah.

- a. _____ banyak _____ penduduk di luar bandar bekerja sebagai petani. (mem__kan , ke __ an , ber__kan)
- b. Saya perlukan doa ibu sebelum _____ hadap _____ peperiksaan PSR. (meng __ i , meng __ kan , meng __ an)
- c. Raziq terjaga apabila azan subuh _____ kumandang dari surau yang berdekatan. (di __ , me __ , ber __)
- d. Hotel yang baharu siap itu _____ jadi _____ tempat tinggal para peserta kursus dari luar negeri. (ke __ an , ber __ kan, di __ kan).
- e. Ibnu Sina merupakan tokoh Islam yang terkenal dalam bidang _____ doktor _____ (ke __ an , ber __ kan , mem ____ an) .
- f. Ibu bapa memainkan peranan penting dalam memastikan ____sihat ____ anak-anak mereka. (ke __ an , ber __ an, mem __ an) .
- g. Air ____rupa ____ salah satu keperluan asas kepada manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan . (me ____ kan , ber __ kan , di __ kan) .
- h. Adik telah _____ utus surat kepada kawan karibnya yang tinggal di Kuala Belait. (ber __ , mem ____ , meng __) .
- i. ____lawan____ akhir dunia di antara Perancis dan Portugal sedang berlangsung. (per __ an, ber __ an, ke __ an) .
- j. ____ tiada _____ salah seorang pemain dari pasukan terkenal tersebut telah sedikit sebanyak menjejaskan prestasi pasukan itu. (ke __ an , ber __ kan , meng __ kan) .

5/. Tuliskan PENJODOH BILANGAN yang sesuai di tempat-tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah .

a. Beberapa _____ gigi adik telah rosak .



b. Ayah menyarungkan se _____ cincin berlian ke jari manis ibu.



c. Se _____ telur telah pecah kerana terjatuh.



d. Pembantu rumah itu memotong bawang dengan se _____
Pisau



e. Ayah membelikan se _____ kasut sukan yang baru untuk adik saya.

